



HANDHOLDING SST – IKRAR BETUL, BAYAR BETUL (I3B)

PENYATA SST-02 DAN PEMBAYARAN

**SALINA BINTI ABD TALIB
PENGUASA KASTAM WK41
Unit Pungutan & Penyata,
Caw. Pengurusan Hasil, Kemudahan & Konsultasi,
Bahagian Cukai Dalam Negeri, Johor**

20 Februari 2024

**PENGEMUKAAN
PENYATA
MELALUI SST-02**

**PEMBETULAN
KESILAPAN KE
ATAS PENYATA
SST-02**

**TEMPOH
BERCUKAI**

PEMBAYARAN


GENAP MASA

**PENGIKRARAN
SELAIN SST-02**

**TANGGUNGAN
UNTUK
MENGEMUKAKAN
PENYATA**

PENALTI

KANDUNGAN



TANGGUNGAN UNTUK MENGEMUKAKAN PENYATA



- ❑ Setiap Orang Berdaftar (OB) hendaklah mengemukakan penyata dalam borang SST-02 mengikut tempoh bercukai dan membuat pembayaran seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 26 Akta Cukai Perkhidmatan (ACP) 2018.

SAMB...



- ❑ Selaras dengan Seksyen 26 ACP 2018, setiap OB dikehendaki mengakaunkan Cukai Perkhidmatan yang genap masa dalam suatu penyata mengikut tempoh bercukai yang ditetapkan.
- ❑ Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak lewat daripada hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai orang berdaftar dengan menggunakan penyata SST-02.

SAMB...



- ❑ **Seksyen 26(3) ACP** - Selepas pemberhentian, OB masih perlu mengemukakan penyata terakhir tidak lewat 30 hari/ tarikh terkemudian dari tarikh pemberhentian.
- ❑ **Seksyen 26(4) ACP** - Mana-mana OB yang dikehendaki mengemukakan penyata itu, perlu membayar cukai tidak lewat dari tarikh terakhir yang telah ditetapkan.
- ❑ **Seksyen 26(5) ACP** - Penyata tetap perlu dikemukakan sama ada terdapat bayaran ataupun tidak.

SAMB...



31.01.2024

15.02.2024

01.03.2024

31.05.2024

Capai *threshold*
Sek. 12 ACP

Mohon daftar
Sek. 13(1) ACP

Kelulusan
tarikh
kuatkuasa
Sek. 13(3)
ACP

Tarikh akhir
mengemukakan
penyata pertama

TEMPOH BERCUKAI



- ❑ Tempoh bercukai yang **pertama** akan bermula dari tarikh orang kena cukai sepatutnya berdaftar (tarikh kuatkuasa) dan berakhir pada hari terakhir bulan berikutnya.
- ❑ Tempoh bercukai **seterusnya** hendaklah suatu tempoh selama dua bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam mana-mana tahun kalendar.
- ❑ Tempoh bercukai pertama juga bergantung kepada *Financial Year End* syarikat

SAMB...



Contoh tempoh bercukai bagi Tahun Kewangan Berakhir Bulan **Ganjil**.
(Jika tarikh pendaftaran berkuatkuasa pada 1 September 2023).

Bulan Tahun Kewangan Berakhir	Tempoh Bercukai Pertama	Tarikh Akhir Penyata dan Pembayaran	Tempoh Bercukai Seterusnya (Setiap 2 bulan)
Januari	1 – 30 September 2023	1 – 31 Oktober 2023	1 Oktober 2023 - 30 November 2023, 1 Disember 2023 – 31 Januari 2024, 1 Februari 2024 – 31 Mac 2024 dan seterusnya.
Mac			
Mei			
Julai			
September			
November			

SAMB...



Contoh tempoh bercukai bagi Tahun Kewangan Berakhir Bulan **Genap**.
(Jika tarikh pendaftaran berkuatkuasa pada 1 September 2021).

Bulan Tahun Kewangan Berakhir	Tempoh Bercukai Pertama	Tarikh Akhir Penyata dan Pembayaran	Tempoh Bercukai Seterusnya (Setiap 2 bulan)
Februari	1 September 2021 – 31 Oktober 2021	1 - 30 November 2021	1 November 2021 - 31 Disember 2021, 1 Januari 2022 - 28 Februari 2022, 1 Mac 2022 - 30 Apr 2022 dan seterusnya.
April			
Jun			
Ogos			
Oktober			
Disember			

CP MENJADI GENAP MASA



- ❑ **Cukai Perkhidmatan** dikira genap masa pada masa pembayaran diterima bagi perkhidmatan bercukai yang diberikan.
- ❑ Sekiranya keseluruhan atau mana-mana bahagian bayaran tidak diterima **dalam tempoh 12 bulan** dari tarikh invois bagi perkhidmatan bercukai yang diberikan, cukai tersebut hendaklah diakaunkan selepas tempoh 12 bulan tersebut (perlu bayar pada bulan ke-13).
- ❑ Seksyen 11(1A) – KP boleh meluluskan permohonan syarikat yang ingin membuat bayaran mengikut masa invois dikeluarkan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

SAMB...



- ❑ Penerimaan **bayaran pendahuluan** adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya ia menjadi sebahagian daripada bayaran ke atas perkhidmatan bercukai.

Contoh :

Syarikat Bina Jaya Sdn Bhd telah melantik Syarikat Kleen Enterprise (OB) untuk membersihkan tanah lapang miliknya bagi menjalankan pembinaan bangunan komersil. Syarikat Kleen telah meminta bayaran pendahuluan sebelum memulakan perkhidmatan dan baki bayaran dibuat setelah kerja-kerja pembersihan siap. **Bayaran pendahuluan ini adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ianya adalah sebahagian daripada nilai perkhidmatan yang diberikan.**

SAMB...



- ❑ Walau bagaimanapun, pembayaran sebagai **deposit** tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan **sekiranya** bayaran tersebut bukan sebahagian daripada bayaran kepada perkhidmatan bercukai.

Contoh :

Deposit yang dikenakan oleh pihak hotel

SAMB...



- ❑ Bagi **perkhidmatan bercukai diimport**, cukai perkhidmatan menjadi genap masa dan kena dibayar apabila pembayaran dibuat atau invois diterima bagi perkhidmatan itu, mana-mana yang lebih awal - [11(1)(b) ACP 2018]. Invois dianggap diterima apabila telah dikemukakan kepada bahagian kewangan syarikat (direkodkan) yang bertanggungjawab untuk membuat bayaran.
- ❑ Bagi OB yang berhenti menjalankan perniagaan yang menyediakan perkhidmatan bercukai atau tidak lagi bertanggung untuk berdaftar, cukai perkhidmatan menjadi **genap masa pada hari penyata akhir** dikehendaki dikemukakan. OB hendaklah mengakaun semua bayaran yang masih belum diterima berkenaan dengan perkhidmatan bercukai yang telah diberikan sebelum penamatan pendaftaran di dalam penyata terakhirnya.

PENGEMUKAAN PENYATA MELALUI BORANG SST-02



- ❑ Borang SST-02 **hendaklah** dikemukakan kepada Ketua Pengarah tidak lewat dari hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai walaupun tiada perkhidmatan bercukai diberikan dan tiada bayaran yang diterima dalam tempoh bercukai yang berkenaan (*NIL return*) selaras dengan Seksyen 26 ACP 2018.

SAMB...



- ❑ Bagi tempoh bercukai yang telah diubah di bawah Seksyen **25(3)(c)** ACP 2018 (*varied taxable period*), penyata SST-02 perlu dikemukakan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh 30 hari dari berakhirnya tempoh bercukai yang diubah itu.
- ❑ OB yang telah dibatalkan pendaftaran, hendaklah mengemukakan penyata terakhir tidak lewat dari hari terakhir orang berdaftar perlu mengemukakan penyata seperti mana yang **ditetapkan**.

SAMB...



- ❑ OB dikehendaki mengikrar setiap jenis perkhidmatan yang kena dibayar cukai secara terperinci dalam penyata SST-02. Setiap perkhidmatan bercukai yang diikrar hendaklah sama sepertimana yang dinyatakan dalam maklumat pendaftarannya.
- ❑ Bagi penyata yang dihantar secara elektronik, maklumat boleh dikemaskini dengan menambah jenis perkhidmatan bercukai dalam penyata.
- ❑ OB juga perlu mengemaskini jenis perkhidmatan bercukai di dalam maklumat pendaftaran.

SAMB...




- Bagi penyata yang dihantar secara manual, sekiranya terdapat penambahan jenis barang/ perkhidmatan bercukai yang tidak didaftarkan semasa pendaftaran, hanya pegawai di Pusat Pemprosesan Kastam (CPC) sahaja yang boleh mengemaskini maklumat jenis barang/ perkhidmatan seperti mana yang dikemukakan dalam penyata manula tersebut.

SAMB...



Nota Kredit/ Nota Debit :

- ❑ Nota kredit dikeluarkan apabila nilai invois yang sebelumnya dikurangkan atau transaksi dibatalkan.
- ❑ Nota debit dikeluarkan apabila nilai invois yang sebelumnya ditambah untuk transaksi yang sama.



SAMB...



- ❑ Jika terdapat pengurangan atau penambahan kepada amaun CP:
 - (i) Satu pelarasan hendaklah dibuat sama ada pengurangan atau penambahan cukai **dalam penyata bagi tempoh bercukai yang nota kredit atau nota debit dikeluarkan atau diterima**; atau
 - (ii) Dalam hal orang yang telah berhenti menjadi OB, orang itu hendaklah membuat pelarasan sama ada pengurangan atau penambahan cukai dalam penyata bagi **tempoh bercukai terakhir** yang dalam tempoh tersebut dia berdaftar.

SAMB...



Panduan Mengisi SST-02

13)	<p>Amaun Potongan Cukai</p> <p>a) Potongan cukai melalui nota kredit*</p> <p>b) Potongan cukai jualan Yang Diluluskan*</p> <p>c) Potongan cukai perkhidmatan*</p>	<p>Nyatakan amaun potongan cukai melalui nota kredit.</p> <p>TIDAK PERLU DIISI</p> <p>Ruangan 13b) dijana secara automatik berdasarkan maklumat dari Sistem Potongan Cukai Jualan.</p> <p><i>(Ruangannya hanya perlu diisi oleh pengilang berdaftar cukai jualan sahaja).</i></p> <p>Ruangan 13c) hendaklah diisi sekiranya permohonan potongan cukai perkhidmatan telah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah di bawah seksyen 39 Akta Cukai Perkhidmatan 2018.</p> <p><i>(Ruangannya hendaklah diisi oleh orang berdaftar cukai perkhidmatan sahaja).</i></p>
-----	---	---

SAMB...



Potongan Cukai
Perkhidmatan
Item 13 (c) Penyata SST-02
Seksyen 39 ACP 2018

- ▶ Pembatalan Perkhidmatan Bercukai
- ▶ Penamatan Perkhidmatan Bercukai
- ▶ Apa-apa sebab lain sebagaimana yang diluluskan

SAMB...



13A) Peralasan/Puteraan Cukai Jualan Yang Layak*
Adjustment of Eligible Sales Tax Deduction* RM

14) Jumlah Cukai Yang Kena Dibayar Sebelum Penalti Dikekalkan*
Total Tax Payable Before Penalty Imposed* RM
(14) = (12) - (13)

15) Kadar Penalti / Amanan Penalti
Penalty Rate / Penalty Amount % RM

16) Jumlah Cukai Kena Dibayar Termasuk Penalti
Total of Tax Payable Inclusive Penalty RM
(16) = (14) + (15)

BAHAGIAN C : BARANG-BARANG DI BAWAH JADUAL KEDUA, PERINTAH CUKAI JUALAN (KADAR CUKAI) 2018
PART C : GOODS UNDER SCHEDULE 2, SALES TAX ORDER (TAX RATE) 2018

17) Jumlah Nilai Jualan dan Cukai Yang Kena Dibayar mengikut kadar cukai
Total Value of Tax Payable as per rate of tax

Kadar Cukai		Per Litar *	Kuantiti Jualan	Nilai Jualan Bersekar	Nilai Cukai Kena Dibayar
At Rate	RM	Per Liter *	Sales Quantity	Value of Taxable Sales	Value of Tax Payable
RM				RM	RM
RM		Per Kilogram * <td></td> <td>RM</td> <td>RM</td>		RM	RM
%		ad-valorem * <td></td> <td>RM</td> <td>RM</td>		RM	RM

BAHAGIAN D : JUALAN / PERKHIDMATAN YANG DIKECUALIKAN CUKAI
PART D : SALES / SERVICES EXEMPTED FROM TAX

18) Jualan Barang-Barang Bersekar / Perkhidmatan Bersekar*
Sales of Taxable Goods/ Taxable Services* RM

a) Eksport / Kawasan Khas / Kawasan ditetapkan*
Export / Special Area / Designated Area* RM

b) Jualan Tempatan Kepada Orang di bawah Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai Jualan) 2018
Local sales exempted to person under the Sales Tax (Person Exempted From Payment of Sales Tax) Order 2018

1) Jadual A (Kategori Orang)*
Schedule A (Class of Person)* RM

2) Jadual B (Pengilang Spesifik, Bekas Tidak Bersekar)*
Schedule B (Manufacturer or special rate taxable goods)* RM

3) Jadual C (Pengilang Berdaftar)*
Schedule C (Registered Manufacturer)* RM

4) Butiran 1 dan 2 (Pembelian / Pengimportan Bahan Mentah/ Komponen/ Bahan Pembungkusan Yang Dikecualikan Cukai Jualan)*
Item 1 and 2 (Purchase / Importation of Raw Materials/ Components/ Packaging Materials Exempted From Sales Tax)* RM

5) Butiran 3 dan 4 (Pembelian / Pengimportan Bahan Mentah/ Komponen/ Bahan Pembungkusan Sagi Pihak Pengilang Berdaftar Yang Dikecualikan Cukai Jualan)*
Item 3 and 4 (Purchase / Importation of Raw Materials/ Components/ Packaging Materials on behalf of Registered Manufacturer Exempted From Sales Tax)* RM

6) Butiran 5 (Nilai Kerja Dilakukan Yang Dikecualikan Cukai Jualan)*
Item 5 (Value of Work Performed Exempted from Sales Tax)* RM

19) Jumlah Nilai Perkhidmatan Bersekar Yang Dikecualikan
Total Value of Exempted Taxable Services RM

BAHAGIAN E: BELIAN DI BAWAH JADUAL C, PERINTAH CUKAI JUALAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI JUALAN) 2018
PART E : PURCHASE UNDER THE SCHEDULE C, SALES TAX ORDER 2018 (PERSON EXEMPTED FROM PAYMENT OF SALES TAX) ORDER 2018

19) Butiran 1 dan 2 (Pembelian / Pengimportan Bahan Mentah/ Komponen/ Bahan Pembungkusan Yang Dikecualikan Cukai Jualan)*
Item 1 and 2 (Purchase / Importation of Raw Materials/ Components/ Packaging Materials Exempted From Sales Tax)* RM

20) Butiran 3 dan 4 (Pembelian / Pengimportan Bahan Mentah/ Komponen/ Bahan Pembungkusan Sagi Pihak Pengilang Berdaftar Yang Dikecualikan Cukai Jualan)*
Item 3 and 4 (Purchase / Importation of Raw Materials/ Components/ Packaging Materials on behalf of Registered Manufacturer Exempted From Sales Tax)* RM

21) Butiran 5 (Nilai Kerja Dilakukan Yang Dikecualikan Cukai Jualan)*
Item 5 (Value of Work Performed Exempted from Sales Tax)* RM

BAHAGIAN F : AKUAN
PART F : DECLARATIONS

22) Dengan ini saya sebagai pegawai yang diberi kuasa di bawah Seksyen 89 atau 90 Akta Cukai Jualan 2018/ Seksyen 74 atau 75 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengesahkan dan mengesahkan bahawa butiran yang dinyatakan dalam penyataan ini adalah benar, tepat dan lengkap dan bertepatan dengan apa yang telah dinyatakan kepada saya secara perkhidmatan elektronik*
I, the authorized person under Section 89 or 90 of the Sales Tax Act 2018/ Section 74 or 75 of the Service Tax Act 2018 hereby certify that the particulars stated in this return are true, accurate and complete and agree any notice to be served to me through electronic service*.

Tarikh / Date*
(hari) (bulan) (tahun)
day month year

Tandatangan Pengiklar*
Declarant Signature

23) Nama Pengiklar*
Name of Declarant* _____

24) No. Kad Pengenal / Pasport*
Identity Card / Passport No.* _____

25) Jabatan Pengiklar*
Designation of Declarant* _____

26) No. Telefon*
Telephone No.* _____

Penyata yang dihantar secara manual mesti mempunyai tandatangan

SAMB...



Service Tax
Service Tax Return (View Only)

SST Name		SST-02 No.	
SST SMK No.		SST Reg No.	
Taxable Period	: From 01/03/2019 To 30/04/2019	Control Station Name	
Declared By Name		Due Date	: 31/05/2019
Declared By New IC/Passport No		Last Date Submitted (Return)	: 03/06/2019
	<input checked="" type="radio"/> New IC <input type="radio"/> Passport No.	Delivery Method	<input type="radio"/> Post <input checked="" type="radio"/> Online
	900708085948		With Cheque Payment
	(Eg: New IC: 74021988888)		Please Select
	(No: Please enter a valid ID for declaration)	Receive/Submitted Date (By Online)	: 03/06/2019
Total Taxable Services Value	: 399,077.60	Form Status	: BOD Issued
Total Value of Tax Computed	: 23,944.66	Receipt No	:
Total Value of Tax Collected / Payable (12)	: 23,944.66	Receipt Date	:
Total Tax Deduction from Credit Note (13a)	: 0.00	Receipt Amount	: 0.00
Total Service Tax Deduction (13c)	: 0.00 (Subject to Approval)	Penalty Receipt Amount	: 0.00
Total Tax Payable Before Penalty Imposed(14)	: 23,944.66 Penalty Rate(%) : 10.00	BOD Ref No./ Status	: A10-CP-2019-06-00118 Registered
Total Penalty Amount(15)	: 2,394.47	BOD Date	: 06/06/2019
Total Tax Payable Inclusive Penalty(16)	: 26,339.13	BOD Receipt No. / Date	:
SST-02 Registered By ID	:	BOD Total Received/ Total	: 0.00/33,522.51
Registered Name	:	BOD Tax Received/ Total	: 0.00/23,944.66
Total Detail	: 1	BOD Penalty Received/ Total	: 0.00/9,577.85
		Supplement SST-02 No	: A10-503660/1905 (Main)

Nota debit tambah di Item 10

Nota kredit di 13(a)

KAEDAH PENGEMUKAAN PENYATA SST-02



- ❑ OB boleh mengemukakan penyata SST-02 melalui mana-mana cara berikut:
 - i. **menghantar secara elektronik melalui portal MYSST**; atau
 - ii. menghantar secara manual dengan memuat turun dan mencetak borang SST-02 dan dipos/ kurier ke CPC dialamat berikut:

Pusat Pemprosesan Kastam (CPC)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Kompleks Kastam WPKL,
No. 22 Jalan SS 6/3 Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor.

- ❑ Penyata yang dihantar ke alamat selain daripada alamat CPC tidak akan diproses.

SAMB...




- ❑ Jika hari terakhir penghantaran penyata dan pembayaran cukai jatuh pada hari Kelepasan Mingguan Persekutuan atau hari Kelepasan Am Persekutuan, maka **hari terakhir mengemukakan penyata dan pembayaran adalah pada hari bekerja berikutnya.**
- ❑ Penetapan ini juga terpakai bagi *varied taxable period*.

PENYATA YANG DIHANTAR SECARA MANUAL



- Penyata yang dihantar secara manual perlu dikemukakan secara **BERTAIP** dengan menggunakan **HURUF BESAR** sahaja.
- Penyata yang tidak menggunakan huruf besar atau bertulisan tangan tidak akan diproses.





- ❑ Penyata SST-02 manual hendaklah mematuhi kriteria-kriteria seperti berikut:
 - i. Perlu menggunakan borang SST-02;
 - ii. Bahagian F : Akuan - diisi dengan lengkap oleh pengikrar dan **ditandatangani**; dan
 - iii. Ruangan yang bertanda (*) hendaklah diisi dengan lengkap dan betul.

- ❑ Penyata yang tidak mematuhi kriteria-kriteria di atas akan dipulangkan semula kepada orang berdaftar berserta dengan cek yang diterima.

PEMBETULAN KESILAPAN KE ATAS

PENYATA SST-02



Peraturan 11 PPCJ 2018 & Peraturan 15, PPCP 2018

- (1) Mana-mana pembetulan kesilapan hendaklah dibuat secara sukarela oleh orang kena cukai.
- (2) Pembetulan kesilapan hendaklah dibuat melalui :
 - (a) Borang SST-02 dan
 - (b) Dengan apa cara yang ditetapkan oleh pegawai kanan cukai perkhidmatan

PEMBETULAN KESILAPAN KE ATAS

PENYATA SST-02



- ❑ Kes-kes yang melibatkan pembetulan kesilapan ke atas penyata SST-02:
 - i. Pembetulan disebabkan oleh kesilapan dalam pengikraran;
 - ii. Pembetulan disebabkan oleh masalah teknikal oleh sistem;



JENIS-JENIS KESILAPAN YANG BIASA BERLAKU KE ATAS PENYATA SST-02

1. TERSALAH IKRAR JUMLAH JUALAN/ PERKHIDMATAN BERCUKAI (COLUMN 10)
2. TERSALAH MASUKKAN JUMLAH CUKAI DIPUNGUT (COLUMN 12)
3. TERSALAH IKRAR DI BAHAGIAN PENGECEUALIAN (BAH. D & E)
4. TERSALAH IKRAR AMAUN POTONGAN CUKAI (COLUMN 13)
5. TERSALAH IKRAR PADA PENYATA TAMBAHAN (SUPPLEMENT)



JENIS-JENIS KESILAPAN YANG BIASA **BERLAKU KE ATAS PENYATA SST-02**

6. KESILAPAN MENGIKRAR PADA TEMPOH BERCUKAI YANG LAIN

7. JANAAN BOD YANG TIDAK TEPAT DALAM KES PENJANA

8. KESILAPAN SISTEM DALAM MENJANA KADAR PENALTI

PEMBETULAN KESILAPAN PENYATA



Pembetulan kesilapan ke atas Penyata SST-02 boleh dibuat **SENDIRI** oleh orang kena cukai dan tiada had pembetulan ditetapkan dengan syarat:

1. PEMBAYARAN MASIH BELUM DIBUAT
2. PENYATA MASIH DALAM TEMPOH

SAMB...



Pembetulan kesilapan ke atas Penyata SST-02 **TIDAK BOLEH** dibuat oleh orang kena cukai melalui sistem sekiranya:

1. PEMBAYARAN TELAH DIBUAT KE ATAS PENYATA YANG TELAH DIHANTAR
2. PENYATA TELAH DIHANTAR DAN BAYARAN MASIH BELUM DIBUAT TETAPI TELAH *DUE*

SITUASI PEMBETULAN YANG DIBENARKAN/ TIDAK DIBENARKAN MELALUI SISTEM



EXAMPLE: (CURRENT DATE: 17.03.2021)

TAXABLE PERIOD	DUE DATE	RETURN SUBMITTED DATE	PAYMENT DATE	AMENDMENT IN SYSTEM
01.01.2021 – 28.02.2021	31.03.2021	DRAFT	NO PAYMENT YET	YES
01.01.2021 - 28.02.2021	31.03.2021	15.03.2021	NO PAYMENT YET	YES
01.01.2021 – 28.02.2021	31.03.2021	15.03.2021	15.03.2021	NO
01.11.2020 – 31.12.2020	31.01.2021	DRAFT	NO PAYMENT YET	YES
01.11.2020 – 31.12.2020	31.01.2021	15.02.2021	NO PAYMENT YET	NO

PERMOHONAN PEMBETULAN KESILAPAN



- ❑ Sebarang permohonan pembetulan kesilapan yang tidak boleh dibuat melalui sistem MySST perlu dimajukan kepada stesen mengawal untuk tujuan verifikasi.

Dokumen-dokumen yang diperlukan :-

1. Surat permohonan rasmi daripada syarikat
2. Borang SST-02 (Pindaan) yang ditandatangani
3. Dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan

PENGGUNAAN PENYATA SST-02 SUPPLEMENT



- Mana-mana OB yang terkurang bayar cukai dalam mana-mana tempoh bercukai hendaklah mengikrar dan membayar cukai tambahan dengan menggunakan borang *SST-02 Supplement*.
- Penyata *SST-02 Supplement* digunakan sekiranya terdapat apa-apa penambahan nilai jualan/ perkhidmatan yang belum diikrar oleh syarikat.



KESILAPAN YANG TIDAK MEMERLUKAN PEMBETULAN

Bagi kes pembetulan yang tidak melibatkan perubahan cukai iaitu di Bhg D (Perkhidmatan Yang Dikecualikan Cukai)/ Bhg E (Belian yang dikecualikan cukai)

TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

Memaklumkan kepada stesen mengawal secara bertulis.

Menyimpan rekod berkaitan untuk tujuan audit

KAEDAH PEMBAYARAN



- ❑ Pembayaran boleh dibuat :
 - a) secara elektronik melalui sistem MySST (*Financial Process Exchange* (FPX)); atau
 - b) secara manual melalui cek / deraf bank **SAHAJA**.

- ❑ Pembayaran secara elektronik hanya menerima pembayaran penuh manakala pembayaran secara tunai adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

"Pengemukaan penyata

10. (1) Suatu penyata yang dibuat di bawah peraturan 9 hendaklah dikemukakan kepada Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik atau dalam apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu penyata hendaklah disifatkan telah dikemukakan apabila penyata itu telah diterima oleh Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik atau dalam apa-apa cara yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah."

SAMB...



- ❑ Bayaran maksimum bagi pembayaran secara FPX:
 - i. Akaun pembayaran korporat (B2B) adalah RM100 juta.
 - ii. Akaun pembayaran individu (B2C) adalah RM100 ribu.

- ❑ Sekiranya bayaran melebihi had maksimum, pembayaran hendaklah dibuat dua kali/ secara manual melalui cek atau deraf bank sahaja dan dipos kepada CPC.

SAMB...



- ❑ Setiap cek/ deraf bank hanya boleh digunakan untuk tujuan pembayaran bagi **satu penyata sahaja**.
- ❑ Bagi penyata yang dikemukakan secara elektronik, tetapi pembayaran dibuat secara manual, cek / deraf bank hendaklah dikemukakan bersama dengan penyata SST-02 yang dicetak dari sistem MySST dan dipos.

SAMB...



- ❑ **Penyata dan pembayaran** di atas hendaklah diposkan ke alamat seperti di bawah:

Pusat Pemprosesan Kastam (CPC)
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kompleks Kastam WPKL
No. 22 Jalan SS 6/3 Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya, Selangor.

- ❑ Pembayaran melalui cek/ deraf bank mesti dibuat atas nama **Ketua Pengarah Kastam Malaysia**

SAMB...



- ❑ Pembayaran hanya boleh dibuat selepas penyata dikemukakan sama ada secara elektronik atau manual. Pembayaran tanpa penyata adalah tidak diterima.
- ❑ *post-dated cheque* adalah **tidak diterima**.





TARIKH BAGI MENENTUKAN MASA PENYATA/BAYARAN DIANGGAP DITERIMA

1. Penyata & Bayaran diterima secara elektronik

Tarikh penerimaan adalah berdasarkan tarikh yang diterima oleh sistem MySST.
(dikreditkan)

2. Penyata & Bayaran diterima melalui pos

Tarikh penerimaan adalah tarikh tanda pos yang tertera pada sampul surat.

3. Penyata & Bayaran diterima melalui kurier

Tarikh penerimaan adalah tarikh di dalam sistem jejak dan kesan (*tracking system*) syarikat kurier tersebut.

PENALTI KERANA LEWAT MEMBAYAR CUKAI

- ❑ Penalti di bawah seksyen 26(8) ACP 2018 wajib dikenakan atas kelewatan membayar sebahagian atau keseluruhan cukai yang telah diikrar.
- ❑ Oleh yang demikian, penalti dikenakan sebaik sahaja bayaran cukai tidak dibuat sehingga melepasi tarikh akhir yang telah ditetapkan.



KADAR PENALTI

TEMPOH LEWAT PEMBAYARAN CUKAI	KADAR PENALTI
1 hingga 30 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	10%
31 hingga 60 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	Tambahan 15% (10% + 15% = 25%)
61 hingga 90 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	Tambahan 15% (10% + 15% + 15% = 40%)
91 hari dan lebih dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran	40% (maksimum) (10% + 15% + 15%)

CONTOH TEMPOH LEWAT PEMBAYARAN CUKAI BAGI CUKAI PERKHIDMATAN



Lewat bayar pada bulan pertama (1 hingga 30 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran)

Syarikat ParkRite Sdn Bhd menjalankan perniagaan perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan. Untuk tempoh bercukai April/Mei 2021, nilai cukai perkhidmatan yang perlu dibayar adalah RM6,000.00 dan tarikh akhir pembayaran cukai adalah 30 Jun 2021. Syarikat tersebut hanya membayar cukai pada 15 Julai 2021. Oleh itu, syarikat tersebut dikenakan penalti sebanyak 10% daripada nilai cukai tersebut.

Pengiraan kadar penalti yang dikenakan adalah seperti berikut :-

Tempoh bercukai : 1 April 2021 – 31 Mei 2021
Tarikh akhir kena bayar : 30 Jun 2021
Kadar penalti atas baki cukai : 10% (1 Julai 2021 – 30 Julai 2021)

31 Julai 2021
Tambahan 15%

Nilai cukai dan penalti yang perlu dibayar adalah :-

= RM6,000.00 + (RM6,000.00 x 10%)

= RM6,000.00 + RM600.00

= **RM6,600.00**

CONTOH TEMPOH LEWAT PEMBAYARAN CUKAI BAGI CUKAI PERKHIDMATAN



Lewat bayar untuk tempoh 2 bulan (31 hingga 60 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran)

Syarikat PQR Sdn Bhd menjalankan perniagaan perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan. Untuk tempoh bercukai April/Mei 2021, nilai cukai perkhidmatan yang perlu dibayar adalah RM10,000.00 dan tarikh akhir pembayaran cukai adalah 30 Jun 2021. Syarikat tersebut hanya membayar cukai pada 20 Ogos 2021. Oleh itu, syarikat tersebut dikenakan penalti sebanyak 25% daripada nilai cukai tersebut.

Pengiraan kadar penalti yang dikenakan adalah seperti berikut :-

Tempoh bercukai	: 1 April 2021 – 31 Mei 2021
Tarikh akhir kena bayar	: 30 Jun 2021
Kadar penalti atas baki cukai	: 10% (1 Julai 2021 – 30 Julai 2021) + <u>15%</u> (31 Julai 2021 – 29 Ogos 2021) <u>25%</u>

Nilai cukai dan penalti yang perlu dibayar adalah :-

= RM10,000.00 + (RM10,000.00 x 25%)
= RM10,000.00 + RM2,500.00
= **RM12,500.00**

CONTOH TEMPOH LEWAT PEMBAYARAN CUKAI BAGI CUKAI PERKHIDMATAN



Lewat bayar untuk tempoh 3 bulan (61 hingga 90 hari dari hari pertama selepas tarikh akhir pembayaran)

Syarikat KLM Sdn Bhd menjalankan perniagaan perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan. Untuk tempoh bercukai April/Mei 2021, nilai cukai perkhidmatan yang perlu dibayar adalah RM10,000.00 dan tarikh akhir pembayaran cukai adalah 30 Jun 2021. Syarikat tersebut hanya membayar cukai pada 27 September 2021. Oleh itu, syarikat tersebut dikenakan penalti sebanyak 40% daripada nilai cukai tersebut.

Pengiraan kadar penalti yang dikenakan adalah seperti berikut :-

Tempoh bercukai	: 1 April 2021 – 31 Mei 2021
Tarikh akhir kena bayar	: 30 Jun 2021
Kadar penalti atas baki cukai	: 10% (1 Julai 2021 – 30 Julai 2021) 15% (31 Julai 2021 – 29 Ogos 2021) + <u>15%</u> (30 Ogos 2021 – 28 September 2021) <u>40%</u>

Nilai cukai dan penalti yang perlu dibayar adalah :-

$$= \text{RM}15,000.00 + (\text{RM}15,000.00 \times 40\%)$$

$$= \text{RM}15,000.00 + \text{RM}6,000.00$$

$$= \underline{\underline{\text{RM}21,000.00}}$$

CONTOH TEMPOH LEWAT PEMBAYARAN CUKAI BAGI CUKAI PERKHIDMATAN



Syarikat hanya membayar nilai cukai perkhidmatan yang dikenakan

Syarikat XYZ Sdn Bhd merupakan syarikat yang menyediakan perkhidmatan agensi pekerjaan. Tempoh bercukai bagi syarikat tersebut adalah pada 1 April 2021 – 31 Mei 2021 dan nilai cukai perkhidmatan yang perlu dibayar adalah RM20,000.00. Cukai tersebut perlu dibayar selewat-lewatnya pada 30 Jun 2021, tetapi syarikat hanya membayar cukai perkhidmatan sebanyak RM5,000.00 pada 15 Julai 2021. Syarikat kemudiannya membayar lagi sebanyak RM10,000.00 pada 25 Ogos 2021 dan baki cukai dibayar pada 25 September 2021.

Sekiranya penalty tidak dibayar, berapakah amaun penalti yang dikenakan?

PENGIRAAN PENALTI



Pengiraan kadar penalti yang dikenakan adalah seperti berikut :-

Tempoh bercukai : 1 April 2021 – 31 Mei 2021
Tarikh akhir kena bayar : 30 Jun 2021
Kadar penalti atas baki cukai : 10% (1-30 Jul 2021)
: 15% (31 Jul-29 Ogos 2021)
: 15% (30 Ogos-29 Sept 2021)

Nilai cukai dan penalti yang perlu dibayar adalah :-

= RM20,000.00 x 10%

= RM15,000.00 x 15%

= RM5,000.00 x 15%

RM2000

RM2250

RM750

RM5000




PENGIKRARAN DAN PEMBAYARAN CUKAI

SELAIN DARIPADA BORANG SST-02




1.

BORANG SST-02A



2.

BORANG SST-ADM



3.

BORANG SST-ADM 2

BORANG SST-02A



- ❑ Mana-mana orang yang memperoleh perkhidmatan bercukai yang diimport hendaklah mengemukakan penyata menggunakan Borang SST-02A.
- ❑ Mana-mana orang yang bukan OB hendaklah *sign-up* atas talian buat kali pertama (<https://sst01.customs.gov.my/account/nonRegistrant/4>)
- ❑ Tempoh pengisytiharan hendaklah mengikut yang mana satu terdahulu:
 - a) pada masa pembayaran bagi perkhidmatan cukai yang diimport itu diperolehi; atau
 - b) pada masa invois diterima

687 – PERKHIDMATAN BERCUKAI DIIMPORT

BORANG SST-02A



SST-02A

No. SST-02A:
 Pindaan / Amendment

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
ROYAL MALAYSIAN CUSTOMS DEPARTMENT

PENGISYTIHARAN CUKAI PERKHIDMATAN
OLEH ORANG SELAIN ORANG BERDAFTAR
SERVICE TAX DECLARATION BY PERSON OTHER THAN REGISTERED PERSON

Nota Penting (Important Notes)

- Sila isikan borang ini dengan menalo menggunakan HURUF BESAR.
Please type in using BLOCK LETTERS.
- Sila rujuk Panduan Mengisi Penyata SST-02A.
Please refer to SST-02A Returns Guidelines.
- Ruangan yang bertanda (*) adalah wajib diisi.
Column with (*) is a mandatory field.
- Seandainya tiada nilai untuk diiklarkan, sila isi angka '0'.
If nothing to declare, please fill in '0'.
- Sila hubungi Pusat Panggilan Kastam di talian 1-300-88-8500 / 03-78067200 atau emel ccc@customs.gov.my untuk pertanyaan lanjut.
Please contact Customs Call Center at 1-300-88-8500 / 03-78067200 or email ccc@customs.gov.my for further enquiry.

BAHAGIAN A : BUTIRAN ORANG SELAIN ORANG BERDAFTAR
PART A : DETAILS OF PERSON OTHER THAN REGISTERED PERSON PARTICULARS

1) No. Pendaftaran Perniagaan,*
Business Registration No.*
ATAU / OR

2) No. Kad Pengenalan /
Identity Card No.*

3) Nama Perniagaan,*
Name of Business.*

4) Alamat Perniagaan,*
Business Address.*

Bandar (Town)
Postkod (Postcode) Negeri (State) WP Putrajaya

5) No. Telefon,*
Telephone No.*

6) No. Faks,*
Fax No.*

7) Alamat Emel,*
Email Address.*

8) Jenis Transaksi,*
Transaction Type.*
 Perkhidmatan Dimport
Imported Services
 Lain-lain
Others

Jika 'lain-lain' sila nyatakan
if 'others', please specify

BAHAGIAN B : MAKLUMAT PERKHIDMATAN
PART B : SERVICE DETAILS

9) Tempoh Pengisytiharan,*
Period of Declaration.*
dari / / hingga / /
(hari) (bulan) (tahun) (hari) (bulan) (tahun)
(day) (month) (year) (day) (month) (year)

10) Jumlah Nilai Aduan dan Cukai Yang Kena Dibayar Mengikut Kadar Cukai
Total Value of Tax Payable as Per Tax Rate.

Perkhidmatan Bersuara / Bilangan Kad Value of Taxable Service / No. of Cards	Kadar Cukai Tax Rate	Nilai Cukai Kena Dibayar Value of Tax Payable
a) Nilai Perkhidmatan Dimport Value Of Imported Services	RM 0.00 6%	RM 0.00
b) Lain-lain Others	RM 0.00 0	RM 0.00

11) Jumlah Nilai Cukai Yang Kena Dibayar.
Total Value of Tax Payable. RM 0.00

12) Kadar Penalti / Aduan Penalti
Penalty Rate / Penalty Amount % RM 0.00

13) Jumlah Cukai Kena Dibayar Termasuk Penalti
Total of Tax Payable RM 0.00

BAHAGIAN C : AKUAN
PART C : DECLARATIONS

14) Dengan ini saya sebagai pegawai yang diberi kuasa di bawah Seksyen 74 atau 75 Akta Cukai Perkhidmatan 2018 mengesahkan dan memperakui bahawa butir-butir yang dinyatakan dalam penyata ini adalah benar dan lengkap.*
I as the authorized person under Section 74 or 75 of the Service Tax Act 2018 hereby certify that the particulars stated in this return are true and complete.*

Tarikh* / Date* / /
(hari) (bulan) (tahun)
(day) (month) (year)

Tandatangan Pengiklarkan*
Declarant Signature*

15) Nama Pengiklarkan*
Name of Declarant.*

16) No. Kad Pengenalan / Pasport.*
Identity Card / Passport No.*

17) Jawatan Pengiklarkan*
Designation of Declarant.*

18) No. Telefon*
Telephone No.*

BAHAGIAN D : UNTUK KEGUNAAN PEJABAT
PART D : FOR OFFICE USE

19(a) Tarikh Penyata Diterima
Date Return Received

19(b) Tarikh Cop Pos
Post Mark Date

19(c) Pegawai Penerima
Receiving Officer

Service Tax

Service Tax Return (View Only)

SST Name :

Non Registrant SMK No. :

Taxable Period : From 01/04/2020 To 30/04/2020

Declared By Name :

New IC Passport No.

Declared By New IC/Passport No : (Eg:New IC: 74021988888)

(Nb: Please enter a valid ID for declaration)

Total Taxable Services Value	:	22,981.26
Total Value of Tax Computed	:	1,378.88
Total Value of Tax Collected /Payable (12)	:	1,378.88
Total Tax Deduction from Credit Note (13a)	:	0.00
Total Service Tax Deduction (13c)	:	0.00 (Subject to Approval)
Total Tax Payable Before Penalty Imposed(14)	:	1,378.88 Penalty Rate(%) : 0.00
Total Penalty Amount(15)	:	0.00
Total Tax Payable Inclusive Penalty(16)	:	1,378.88
SST-02 Registered By ID	:	
Registered Name	:	
Total Detail	:	1

SST-02A No. :

Non Registrant No. :

Control Station Name :

Due Date :

Last Date Submitted (Return) :

Post Online

Delivery Method : With Cheque Payment

Postmark Date (By Post) :

Form Status : Paid

Receipt No : 525847CP

Receipt Date : 04/06/2020

Receipt Amount : 1,378.88

Penalty Receipt Amount : 0.00

BOD Ref No./ Status :

BOD Date :

BOD Receipt No. / Date :

BOD Total Receipted/ Total : 0.00/0.00

BOD Tax Receipted/ Total : 0.00/0.00

BOD Penalty Receipted/ Total : 0.00/0.00

Supplement SST-02 No :

Detail Service Tax Return

1 - 1 in 1 are displayed

Select	No	Service Type	Service Tax Rate	Value of Taxable Services	Values of Free Services	No of Card	Computed Tax Amt	Tax Deduction/ Credit Note	Total Tax Before Penalty	Penalty Rate(%) /Amt	Collected Tax	Tot Amt Payable
<input checked="" type="radio"/>	1	687 - PERKHIDMATAN BERCUKAI DIIMPORT	6.00%	22,981.26	0.00		1,378.88	0.00 / 0.00	1,378.88	0.00/ 0.00	1,378.88	1,378.88



KAEDAH PEMBAYARAN MELALUI BORANG SST-02A

**KAEDAH PENGEMUKAAN PENYATA
& KAEDAH PEMBAYARAN ADALAH
SAMA SEPERTI
BORANG SST-02**

687 - PERKHIDMATAN BERCUKAI DIIMPORT



**SEKIAN,
TERIMA KASIH**

